Hari : Ahad                                        Tarikh : 13 Jun 2021

Nama : ______________________________________________

Mata Pelajaran : Bahasa Melayu

Kelas : PK 4

Kemahiran : Membaca

**Arahan : Baca petikan. Kemudian, tulis makna kosa kata yang berhuruf tebal.**

Pada hari Ahad yang lalu, penduduk Taman Bayu mengadakan program memasak makanan tradisional. Program tersebut diadakan bertujuan untuk **mengeratkan** hubungan dalam kalangan penduduk di taman itu.

Sejak awal pagi, semua penduduk Taman Bayu **berkumpul** di dewan. Mereka membawa **peralatan** dan bahan-bahan untuk memasak. Suasana di dewan itu sangat **meriah** apabila penduduk yang terdiri daripada pelbagai bangsa dapat dikumpulkan.

Mereka bergotong-royong untuk menyediakan pelbagai jenis makanan. Mereka memasak nasi ambeng, sate, laksa Sarawak, tose, roti canai, dan kuih bakul. Selepas semua makanan siap disediakan, mereka **menikmati** makanan tersebut bersama-sama.

Program ini diadakan setiap tahun agar hubungan pelbagai kaum di taman itu dapat dieratkan dan semangat **kerjasama** dalam jiwa mereka dapat diterapkan.

| | | |
|---|---|---|
| riang gembira | merapatkan | saling membantu |
| merasai | berhimpun | berbagai-bagai alat |

| Perkataan | mengeratkan | berkumpul | peralatan |
|---|---|---|---|
| Makna | • | • | • |

| Perkataan | meriah | menikmati | kerjasama |
|---|---|---|---|
| Makna | • | • | • |

LIVEWORKSHEETS